**ETIQA INSURANCE BERHAD**
**(9557-T)**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan yang Telah Diaudit**
**30 Jun 2010**

**9557-T**
**ETIQA INSURANCE BERHAD**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

| **KANDUNGAN** | **MUKA SURAT** |
|---|---|
| Laporan para pengarah | 1 - 10 |
| Penyata para pengarah | 11 |
| Akuan berkanun | 11 |
| Laporan juruaudit bebas | 12 - 13 |
| Lembaran imbangan | 14 - 15 |
| Penyata perubahan dalam ekuiti | 16 - 17 |
| Penyata pendapatan | 18 |
| Akaun hasil insurans am | 19 |
| Lembaran imbangan dana insurans hayat | 20 |
| Akaun hasil insurans hayat | 21 |
| Penyata aliran tunai | 22 - 23 |
| Nota-nota kepada penyata kewangan | 24 - 114 |

**9557-T**
**ETIQA INSURANCE BERHAD**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacita membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2010.

## KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan insurans hayat dan kesemua kelas perniagaan insurans am.

Tiada sebarang perubahan nyata terhadap kegiatan utama Syarikat sepanjang tahun kewangan.

Pada 1 Julai 2009, menurut Perintah Letak Hak yang diperolehi dari Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Singapura, Mayban General Assurance Berhad ("MGAB") memindahkan perniagaan insurans am dan aset bersihnya secara berterusan kepada Syarikat.

## SYARIKAT INDUK DAN SYARIKAT INDUK MUKTAMAD

Syarikat induk kepada Syarikat ialah Mayban Fortis Holdings Berhad ("MFHB") dan syarikat induk muktamad kepada Syarikat ialah Malayan Banking Berhad ("MBB"). Kedua-duanya diperbadankan di Malaysia.

## HASIL

| | **RM'000** |
|---|---|
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan semasa | **116,073** |

Tiada sebarang pemindahan nyata kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan semasa selain daripada yang telah dibentangkan dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

Para pengarah berpendapat bahawa hasil kendalian Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak dipengaruhi oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat ketara dan luar biasa, selain daripada perkara yang timbul daripada penggunaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("RBC"), yang dibentangkan di Nota 2.4 dan pemindahan perniagaan daripada MGAB yang dibentangkan di Nota 25.

## DIVIDEN

Tiada dividen dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak tahun kewangan berakhir sebelumnya.

Para pengarah tidak menyarankan sebarang bayaran dividen muktamad pada tahun kewangan semasa.

## PENGARAH

Para pengarah yang telah memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan pada masa laporan ini dibentangkan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Dato' Mohd Salleh Hj Harun (Pengerusi) | (dilantik pada 2 Mac 2010) |
| Dato' Johan bin Ariffin | (dilantik pada 2 Mac 2010) |
| Zainal Abidin bin Jamal | (dilantik pada 2 Mac 2010) |
| Dato' Aminuddin bin Md Desa | |
| Damis Jacobus Ziengs | |
| Hans J. J. De Cuyper | |
| Datuk Syed Tamim Ansari bin Syed Mohamed | (meletak jawatan pada 2 Mac 2010) |

## URUSTADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan urustadbir korporat pada taraf yang tertinggi dalam Syarikat. Ini adalah sebahagian asas pelaksanaan tanggungjawab mereka bagi memelihara dan mempertingkatkan nilai pemegang kepentingan dan prestasi kewangan Syarikat.

### (a) Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Dalam melaksanakan tugas, Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab mematuhi Akta Insurans (“Akta”) dan Peraturan, 1996 dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (“BNM”), termasuk BNM/RH/GL/003-1: Piawaian Minimum untuk Pengurusan Hemat Syarikat Insurans (Disatukan) dan arahan lain. Mereka juga harus mematuhi rukun asas urustadbir korporat dengan mengamalkan praktis terbaik seperti yang telah dinyatakan dalam BNM/RH/GL/003-2: Rangka Hemat Urustadbir Korporat bagi Syarikat Insurans. Selain daripada tanggungjawab berkanun, Lembaga Pengarah juga meluluskan keputusan-keputusan utama Syarikat berkaitan dengan pelaburan, pelupusan dan pembiayaan. Mereka memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai bagi mengurus risiko, mengkaji dan meluluskan strategi dan objektif kewangan bagi pelaksanaan pihak pengurusan. Tugas-tugas ini dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah secara langsung dan/atau melalui pelbagai jawatankuasa.
Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi operasi Syarikat dan pihak pengurusan pula bertanggungjawab melaksanakannya. Pengasingan tugas ini memperkukuhkan lagi peranan penyeliaan dan pengawasan yang dipegang oleh Lembaga Pengarah.

Oleh itu, Syarikat mempunyai struktur organisasi yang jelas menunjukkan semua saluran pelaporan di samping dokumentasi huraian bidang kerja bagi semua kakitangan pengurusan dan eksekutif dan penilaian prestasi yang formal dilaksanakan setiap tahun.

Para pengarah dengan latar belakang dan pengalaman yang berbeza-beza, apabila digabungkan membawa kemahiran dan pengetahuan khusus yang meluas yang diperlukan untuk pengurusan Syarikat.

## URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

### (a) Tanggungjawab Lembaga Pengarah (sambungan)

Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 6 kali dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

| | Bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah | |
|---|---|---|
| | **Kehadiran** | **%** |
| Dato' Mohd Salleh Hj Harun (Pengerusi) (dilantik pada 2 Mac 2010) | 3/3 | 100 |
| Dato' Aminuddin bin Md Desa | 6/6 | 100 |
| Damis Jacobus Ziengs | 6/6 | 100 |
| Hans J. J. De Cuyper | 6/6 | 100 |
| Dato' Johan bin Ariffin (dilantik pada 2 Mac 2010) | 3/3 | 100 |
| Zainal Abidin bin Jamal (dilantik pada 2 Mac 2010) | 3/3 | 100 |
| Datuk Syed Tamim Ansari bin Syed Mohamed (meletak jawatan pada 2 Mac 2010) | 3/3 | 100 |

### (b) Kebertanggungjawaban pengurusan

Sementara Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi operasi Syarikat, pihak pengurusan pula bertanggungjawab dalam pelaksanaan polisi tersebut dan pencapaian objektif korporat Syarikat.

### (c) Kebebasan korporat

Semua urusniaga ketara dengan pihak yang berkaitan telah dinyatakan dalam Nota 30 penyata kewangan daripada mana penyata kewangan ringkas dipetik.

### (d) Kawalan dalaman dan audit

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan ke atas kawalan dalaman Syarikat dan keberkesanannya. Lembaga Pengarah mengenalpasti bahawa risiko tidak boleh disingkirkan sepenuhnya, oleh itu, sistem dan proses tertentu dilaksanakan bertujuan bagi mengurangkan dan mengurus risiko tersebut. Syarikat juga telah melaksanakan kawalan dalaman yang merangkumi semua lapisan kakitangan dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat berjalan dengan berkesan dan cekap dan juga menjaga aset-aset Syarikat dan kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan. Penilaian berterusan ke atas keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman yang merangkumi pemeriksaan bebas ke atas kawalan oleh fungsi audit dalaman memastikan tindakan pembetulan diambil dengan segera jika perlu.

Laporan audit dalaman akan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Audit ("AC") yang terawal dijadualkan selepas tarikh penerimaan laporan tersebut. Fungsi audit dalaman melapor kepada Lembaga Pengarah menerusi AC, dan keputusan dan syor-syor akan disampaikan ke pihak pengurusan kanan dan kesemua peringkat kakitangan yang berkenaan. AC telah ditubuhkan pada peringkat syarikat induk.

**URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)**

**(d) Kawalan dalaman dan audit (sambungan)**

Komposisi gabungan AC yang ditubuhkan di MFHB adalah seperti berikut:

Sulaiman bin Salleh (Pengerusi)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Damis Jacobus Ziengs
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Dr Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Syed Tamim Ansari bin Syed Mohamed (meletak jawatan pada 2 Mac 2010)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

AC telah bermesyuarat sebanyak 6 kali sepanjang tahun.

**(e) Pengurusan risiko**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan dalam penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC"). Objektif utama RMC adalah untuk menyelia aktiviti pihak pengurusan kanan dalam mengurus risiko-risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko dilaksanakan dan berfungsi secara berkesan.

Syarikat telah menubuhkan RMC pada peringkat syarikat induk. Dalam melaksanakan tugasnya, RMC dibantu oleh Jawatankuasa Pelaburan pihak Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti ("ALCO") pihak pengurusan.

Rangka kerja pengurusan risiko bagi Syarikat terdiri daripada tiga komponen penting, iaitu perangkaan dasar, penyeliaan dan kawalan, serta penerimaan risiko, manakala pendekatan pengurusan risiko adalah berasaskan tiga peringkat pertahanan iaitu unit pengambilan risiko, kawalan dan kordinasi risiko dan audit dalaman. Risiko pula telah diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, yang terdiri daripada risiko insurans, risiko kewangan (termasuk risiko pasaran, risiko kredit dan risiko lembaran imbangan) serta risiko operasi.

Terdapat proses yang berterusan bagi mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ia dicapai melalui fungsi-fungsi pengurusan yang telah ditetapkan dan kawalan dalaman, yang merangkumi pengwujudan had-had risiko operasi bagi kesemua aktiviti teras.
Komposisi gabungan RMC yang ditubuhkan di MFHB adalah seperti berikut:

Dato' Johan bin Ariffin (Pengerusi) (dilantik pada 5 Mei 2010)

## URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

### (e) Pengurusan risiko (sambungan)

Damis Jacobus Ziengs (dilantik pada 23 September 2009)
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Sulaiman bin Salleh
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (dilantik pada 5 Mei 2010)

Datuk Syed Tamim Ansari bin Syed Mohamed (meletak jawatan pada 2 Mac 2010)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Petrus Bernardus Gerardus van Harten (meletak jawatan pada 18 Julai 2009
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

RMC telah bermesyuarat sebanyak 3 kali sepanjang tahun.

### (f) Jawatankuasa pencalonan dan ganjaran

Syarikat akan terus menggunakan khidmat Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran yang telah digabungkan pada Mei 27, 2010 oleh syarikat induk muktamad, iaitu Kumpulan Malayan Banking Berhad ("MBB") sebagai sebahagian daripada struktur urustadbir Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran ("NRC") adalah untuk mewujudkan prosedur yang didokumentasikan, formal dan nyata bagi pelantikan para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menilai keberkesanan para pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan lain-lain jawatankuasa Lembaga Pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama.
Selain itu, NRC juga bertanggungjawab menyediakan prosedur formal yang jelas dan nyata bagi mengasaskan polisi ganjaran bagi para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama dan memastikan ganjaran mereka adalah berdaya saing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

Komposisi Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran adalah seperti berikut:

Dato' Seri Ismail bin Shahudin (Pengerusi)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dr Hadenan bin A. Jalil
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Dr Tan Tat Wai
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)**

**(f) Jawatankuasa pencalonan dan ganjaran (sambungan)**

Zainal Abidin bin Jamal
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Alister Maitland
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Sebelum digabungkan, pada tahun kewangan semasa, Jawatankuasa Pencalonan telah bermesyuarat sebanyak 9 kali manakala Jawatankuasa Ganjaran & Pertubuhan telah bermesyuarat sebanyak 8 kali.

NRC telah bermesyuarat dua kali.

**(g) Jawatankuasa pelaburan**

Jawatankuasa Pelaburan ("IC") telah ditubuhkan di Mayban Life Assurance Berhad. Namun begitu, keahliannya, tugasan dan tanggungjawabnya bukan setakat Mayban Life Assurance Berhad dan merangkumi semua syarikat beroperasi di bawah Mayban Fortis Holdings Berhad yang terdiri daripada Etiqa Insurance Berhad dan Etiqa Takaful Berhad.

Objektif IC termasuk memberikan pendapat ke atas polisi pelaburan strategik jangka masa panjang termasuk hartanah, sebagai saranan kepada Mesyuarat Pengurusan Risiko (“RMM”)/RMC/Lembaga Pengarah berasaskan nasihat ALCO, untuk melaksanakan polisi pelaburan taktikal berasaskan cadangan pengurus pelaburan dan dalam garis sempadan yang telah dinyatakan di Mandat Pengurusan Pelaburan (“IMM”), untuk menguji polisi yang telah dilaksanakan oleh pengurus pelaburan dan membezakannya dengan polisi pelaburan taktikal dan strategik/mandat pengurusan aset, untuk menilai dan meluluskan polisi operasi dilaksanakan oleh pengurus pelaburan. Ini juga menilai, ulasan dan mempertahankan Manual Pengurusan Pelaburan ("IMG"), berdasarkan nasihat ALCO dan keadaan berunding dengan, menunjuk atau menolak pengurus dana luaran, kustodian, bank dan perantara kewangan lain.

IC melapor kepada Lembaga Pengarah kesemua syarikat beroperasi di bawah Mayban Fortis Holdings Berhad.

Komposisi IC adalah seperti berikut:

Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar (Pengerusi)
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Sulaiman bin Salleh
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

## URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

**(g) Jawatankuasa pelaburan (sambungan)**

Dato' Haji Aminuddin bin Md. Desa
Ketua Pegawai Eksekutif, Mayban Fortis Holdings Berhad

Hans J. J. De Cuyper
Ketua Pegawai Kewangan, Mayban Fortis Holdings Berhad

Haji Mohd Tarmidzi bin Ahmad Nordin (bersara pada 20 Oktober 2009)
Ketua Pegawai Eksekutif, Etiqa Takaful Berhad

Mohd Din bin Merican
Ketua Pegawai Eksekutif, Etiqa Insurance Berhad

Ahmad Shahril Azuar Jimin (dilantik pada 1 Januari 2010)
Ketua Pegawai Eksekutif, Etiqa Takaful Berhad

IC telah bermesyuarat sebanyak 4 kali sepanjang tahun.

**(h) Kebertanggungjawaban awam**

Sebagai pentadbir dana awam, urusan Syarikat dengan orang awam sentiasa dilaksanakan secara adil, jujur dan profesional.

**(i) Laporan kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab membentangkan penilaian yang seimbang dan komprehensif berkaitan dengan operasi dan prospek Syarikat pada setiap kali penyata kewangan tahunan diterbitkan untuk pemegang saham. AC pula membantu meneliti maklumat yang dibentangkan bagi memastikan ketepatan, kesesuaian dan kesempurnaannya.

## MANFAAT PENGARAH

Pada penghujung tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan oleh Syarikat yang membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat, kecuali opsyen saham yang akan diberikan melalui Skim Opsyen Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESOS") syarikat induk muktamad.

## URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

## MANFAAT PENGARAH (SAMBUNGAN)

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang disertakan dalam jumlah agregat daripada emolumen diterima atau berbayar dan berbayar kepada para pengarah seperti dibentangkan dalam Nota 22 pada penyata kewangan berkanun) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana dia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana dia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Berdasarkan daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham dan saham di bawah opsyen dalam syarikat induk muktamad sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | **Bilangan saham biasa RM1 setiap satu** | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **1 Julai 2009/ tarikh pelantikan** | **Dibeli** | **Dijual** | **30 Jun 2010** |
| **Syarikat induk muktamad:** | | | | |
| **MBB** | | | | |
| **Kepentingan langsung:** | | | | |
| Dato' Mohd Salleh Hj Harun | 287,781 | - | - | 287,781 |
| Dato' Johan bin Ariffin | - | 70,000 | - | 70,000 |

## MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Selain daripada yang dinyatakan, tiada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat perbadanan berkaitannya sepanjang tahun kewangan.

(a) Sebelum lembaran imbangan dan penyata pendapatan Syarikat telah dinyatakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah:

(i) untuk memastikan tindakan yang betul telah diambil berkenaan penghapuskiraan hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu dan para pengarah puas dengan keputusan mereka kerana tiada hutang lapuk yang diketahui dan peruntukan yang sewajarnya telah dibuat untuk hutang ragu; dan

(ii) untuk memastikan sebarang aset semasa yang tidak pasti akan menepati nilainya seperti mana yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan dalam urusan perniagaan harian telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang mungkin dapat direalisasikan.

## MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMBUNGAN)

(b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang keadaan yang mungkin mengakibatkan:

(i) jumlah untuk hapus kira sebagai hutang lapuk atau peruntukan untuk hutang ragu dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat tidak memadai keperluan; dan

(ii) nilai aset semasa dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat tidak tepat.

(c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang keadaan yang mungkin timbul sejurusnya yang mengakibatkan keadah penilaian terkini aset atau liabiliti Syarikat salah atau tidak tepat.

(d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang mengakibatkan jumlah dibentangkan dalam penyata kewangan tidak tepat.

(e) Pada tarikh laporan ini, tiada kewujudan:

(i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang melindungi liabiliti sebarang orang; atau

(ii) sebarang liabiliti luar jangkaan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

(f) Pada pendapat para pengarah:

(i) tiada liabiliti luar jangkaan atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau mungkin dikuatkuasakan dalam masa dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan menjejaskan atau mungkin menjejaskan kebolehan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila perlu; dan

(ii) tiada sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat ketara dan luar biasa yang timbul semasa akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini dibuat yang mungkin mempengaruhi secara ketara keputusan operasi Syarikat untuk tahun kewangan semasa laporan ini dibuat.

Untuk tujuan perenggan (e) dan (f), liabiliti luar jangkaan atau liabiliti-liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak pengunderaitan insurans yang dibuat dalam perniagaan harian biasa syarikat.

**MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMBUNGAN)**

(g) Sebelum lembaran imbangan dan penyata pendapatan Syarikat telah dinyatakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan peruntukan secukupnya untuk liabiliti insuransnya mengikut kaedah penilaian yang dispesifikasikan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("RBC") untuk syarikat insurans yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

**PERISTIWA PENTING**

Peristiwa penting sepanjang tahun kewangan dibentangkan dalam Nota 33 pada penyata kewangan.

**PERISTIWA SETERUSNYA**

Butir-butir peristiwa seterusnya telah dinyatakan dalam Nota 34 pada penyata kewangan ringkas.

**JURUAUDIT**

Juruaudit, Ernst & Young telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 12 Ogos 2010.

DATO' MOHD SALLEH HJ HARUN

HANS J. J. DE CUYPER

**PENYATA PARA PENGARAH**
**MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Dato' Mohd Salleh Hj Harun dan Hans J.J. De Cuyper, selaku dua daripada para pengarah Etiqa Insurance Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 14 hingga 114 disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan yang diubahsuai oleh Bank Negara Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2010 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah yang bertarikh 12 Ogos 2010.

DATO' MOHD SALLEH HJ HARUN HANS J. J. DE CUYPER

**AKUAN BERKANUN**
**MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Mohd Din bin Merican, selaku pegawai yang bertanggungjawab terutamanya ke atas pengurusan kewangan Etiqa Insurance Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 14 hingga 114 mengikut pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya
oleh Mohd Din bin Merican tersebut di atas
di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan
pada 12 Ogos 2010 MOHD DIN BIN MERICAN

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

**9557 T**

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli**
**Etiqa Insurance Berhad**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan penyata kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Etiqa Insurance Berhad, yang terdiri daripada lembaran imbangan Syarikat pada 30 Jun 2010, penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir tersebut dan ringkasan polisi perakaunan yang penting serta nota penjelasan yang lain pada muka surat 14 hingga 114.

Tanggungjawab para pengarah ke atas penyata kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan penyata-penyata kewangan ini dengan adil dan sejajar dengan Piawaian Laporan Kewangan yang diubahsuai oleh Bank Negara Malaysia dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang adil dan bebas daripada salah nyata yang ketara, tidak kira akibat penipuan ataupun kesilapan; memilih dan menggunakan polisi perakaunan yang sesuai; dan membuat anggaran perakaunan yang wajar untuk semua keadaan.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah menyatakan pendapat tentang penyata-penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami menjalankan pengauditan kami berdasarkan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta menjalankan pengauditan untuk mendapat kepastian sewajarnya sama ada penyata-penyata kewangan itu bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti pengauditan tentang jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, dan termasuk penilaian risiko tentang salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan, tidak kira akibat penipuan ataupun kesilapan. Semasa penilaian risiko itu, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan Syarikat dan pembentangan penyata-penyata kewangan yang adil untuk merangka prosedur pengauditan yang sesuai dengan keadaan, dan bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kewajaran jangkaan perakaunan yang dilakukan oleh para pengarah dan menilai pembentangan penyata-penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti pengauditan yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah untuk pendapat audit kami.

**9557 T**

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli**
**Etiqa Insurance Berhad (sambungan)**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan itu telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Kewangan yang diubahsuai oleh Bank Negara Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberikan pandangan yang benar dan adil tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2010 dan juga prestasi kewangan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir tersebut.

**Laporan tentang keperluan perundangan dan peraturan lain**

Mengikut keperluan dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga membuat laporan bahawa pada pendapat kami, perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang diperlukan oleh Akta disimpan oleh Syarikat dengan baik menurut peruntukan Akta.

**Perkara-perkara Lain**

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai perbadanan, menurut Seksyen 174 dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukannya untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas sesiapa tentang kandugan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Berkanun

Gloria Goh Ewe Gim
No. 1685/04/11(J)
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur, Malaysia
12 Ogos 2010

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan Etiqa Insurance Berhad yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli Etiqa Insurance Berhad yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 30 JUN 2010**

| | Nota | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|---|
| **Aset dana insurans am dan pemegang saham** | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 3 | 54,153 | 10,333 |
| Hartanah pelaburan | 4 | 35,870 | 38,590 |
| Pajakan tanah prabayar | 5 | 8,658 | 803 |
| Aset tidak ketara | 6 | 227 | 197 |
| Pelaburan dalam subsidiari | 7 | - | - |
| Pelaburan dalam syarikat sekutu | 8 | 152 | - |
| Terhutang daripada syarikat-syarikat berkaitan | 9 | 5,357 | 1,204 |
| Pelaburan | 10 | 1,658,669 | 1,160,016 |
| Pinjaman | 11 | 32,230 | 51,075 |
| Aset cukai tertunda | 12 | - | 7,538 |
| Penghutang dagangan dan penghutang lain | 13 | 428,178 | 239,175 |
| Cukai boleh diperolehi | | 93,709 | 87,288 |
| Tunai dan baki di bank | | 84,202 | 50,136 |
| **Jumlah aset dana insurans am dan pemegang saham** | | 2,401,405 | 1,646,355 |
| **Jumlah aset dana insurans hayat (m/s 20)** | | 4,700,543 | 4,471,492 |
| **JUMLAH ASET** | | 7,101,948 | 6,117,847 |
| **EKUITI, DANA INSURANS, DAN LIABILITI** | | | |
| **Ekuiti diberikan kepada pemegang ekuiti Syarikat** | | | |
| Modal Saham | 14 | 152,151 | 152,151 |
| Rizab | | 1,063,818 | 929,369 |
| **Jumlah Ekuiti** | | 1,215,969 | 1,081,520 |
| **Dana insurans** | | | |
| Liabiliti premium | 15 | 315,447 | 160,055 |
| Dana pemegang polisi insurans hayat | 16 | 4,402,749 | 4,171,012 |
| **Jumlah dana insurans** | | 4,718,196 | 4,331,067 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 30 JUN 2010 (SAMBUNGAN)

| | Nota | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|---|
| **LIABILITI** | | | |
| **Liabiliti dana insurans am dan pemegang saham** | | | |
| Liabiliti tuntutan | 17 | 437,365 | 223,404 |
| Liabiliti cukai tertunda | 12 | 7,966 | - |
| Dihutang kepada syarikat-syarikat berkaitan | 9 | 3,968 | 1,426 |
| Pemiutang dagangan dan pemiutang lain | 18 | 415,109 | 179,950 |
| Cukai belum bayar | | 5,581 | - |
| | | 869,989 | 404,780 |
| **Jumlah liabiliti dana insurans hayat (m/s 20)** | | 297,794 | 300,480 |
| **Jumlah liabiliti** | | 1,167,783 | 705,260 |
| **JUMLAH EKUITI, DANA INSURANS DAN LIABILITI** | | 7,101,948 | 6,117,847 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**9557-T**
**ETIQA INSURANCE BERHAD**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2010

| | | Tidak boleh diagihkan | | | | | Boleh Diagihkan | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **Nota** | **Modal Saham RM'000** | **Premium Saham RM'000** | **Rizab tersedia untuk jualan RM'000** | **Rizab pertukaran Asing RM'000** | **Rizab Penilaian Semula Aset RM'000** | **Keuntungan Terkumpul RM'000** | **Jumlah Ekuiti RM'000** |
| **Pada 1 Julai 2009 (seperti dinyatakan sebelum ini)** | | 152,151 | 17,728 | - | - | 13,017 | 898,624 | 1,081,520 |
| Kesan penggunaan rangka kerja RBC: | 2.4 | | | | | | | |
| - perubahan nilai liabiliti insurans | | - | - | - | - | - | (14,580) | (14,580) |
| - perubahan nilai saksama pelaburan tersedia untuk jualan | | - | - | (18,616) | - | - | 7,949 | (10,667) |
| - cukai tertunda ke atas perubahan liabiliti insurans | | - | - | - | - | - | 3,645 | 3,645 |
| - cukai tertunda ke atas perubahan nilai saksama | | - | - | 4,654 | - | - | (1,987) | 2,667 |
| **Pada 1 Julai 2009 (Dinyatakan semula)** | | 152,151 | 17,728 | (13,962) | - | 13,017 | 893,651 | 1,062,585 |
| Penilaian semula hartanah pelaburan | | - | - | - | - | (200) | - | (200) |
| Keuntungan bersih daripada perubahan nilai saksama | | - | - | 66,435 | - | - | - | 66,435 |
| Cukai tertunda atas perubahan nilai saksama | | - | - | (16,162) | - | 65 | - | (16,097) |
| Keuntungan direalisasikan dipindahkan ke | | | | | | | | - |
| penyata pendapatan/akaun hasil | | - | - | - | - | (996) | - | (996) |
| Keuntungan belum direalisasikan daripada | | - | - | - | (11,831) | - | - | (11,831) |
| penukaran aset asing | | - | - | - | - | - | 116,073 | 116,073 |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | | - | - | 50,273 | (11,831) | (1,131) | 116,073 | 153,384 |
| **Pada 30 Jun 2010** | | 152,151 | 17,728 | 36,311 | (11,831) | 11,886 | 1,009,724 | 1,215,969 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

9557-T
**ETIQA INSURANCE BERHAD**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2010 (SAMBUNGAN)**

| | | Tidak boleh diagihkan | | | | Diagihkan | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Modal Saham RM'000 | Premium Saham RM'000 | Rizab tersedia untuk jualan RM'000 | Rizab per- tukaran Asing RM'000 | Rizab Penilaian Semula Aset RM'000 | Keuntungan Terkumpul RM'000 | Jumlah Ekuiti RM'000 |
| **Pada 1 Julai 2008** | 152,151 | 17,728 | - | - | - | 796,183 | 966,062 |
| Penilaian semula hartanah pelaburan | - | - | | - | 13,017 | - | 13,017 |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | - | - | - | - | - | 102,441 | 102,441 |
| | - | - | - | - | 13,017 | 102,441 | 115,458 |
| **Pada 30 Jun 2009** | 152,151 | 17,728 | - | - | 13,017 | 898,624 | 1,081,520 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**PENYATA PENDAPATAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2010**

| | Nota | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|---|
| Pendapatan operasi | 19 | 1,737,507 | 1,276,817 |
| Dana pemegang saham: | | | |
| Pendapatan pelaburan | 20 | 21,183 | 16,483 |
| Pendapatan operasi lain bersih | 21 | 11,805 | 16,693 |
| Perbelanjaan pengurusan | 22 | (1,080) | (1,292) |
| | | 31,908 | 31,884 |
| Lebihan dipindahkan dari akaun hasil: | | | |
| - Dana insurans am (m/s 19) | | 106,028 | 8,728 |
| - Dana insurans hayat (m/s 21) | | 20,000 | 92,000 |
| Keuntungan sebelum cukai | | 157,936 | 132,612 |
| Cukai | 24 | (41,863) | (30,171) |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | | 116,073 | 102,441 |
| Perolehan sesaham - Asas (sen) | | 76.29 | 67.33 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

9557-T
**ETIQA INSURANCE BERHAD**
**(Diperbadankan di Malaysia)**

## AKAUN HASIL INSURANS AM
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2009

| | Nota | Kebakaran | | Motor | | Marine, Udara & Transit | | Pelbagai | | Jumlah | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2010 | 2009 | 2010 | 2009 | 2010 | 2009 | 2010 | 2009 | 2010 | 2009 |
| | | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Premium kasar | 19 | 180,526 | 73,812 | 251,875 | 143,019 | 419,270 | 362,973 | 240,805 | 90,012 | 1,092,476 | 669,816 |
| Insurans semula | | (72,369) | (45,866) | (11,028) | (6,930) | (402,877) | (348,514) | (55,912) | (42,658) | (542,186) | (443,968) |
| Premium bersih | | 108,157 | 27,946 | 240,847 | 136,089 | 16,393 | 14,459 | 184,893 | 47,354 | 550,290 | 225,848 |
| Perubahan dalam liabiliti premium | 15 | (457) | (1,969) | (18,891) | (3,938) | (2,194) | 6,066 | 1,785 | (3,905) | (19,757) | (3,746) |
| Premium diperolehi | | 107,700 | 25,977 | 221,956 | 132,151 | 14,199 | 20,525 | 186,678 | 43,449 | 530,533 | 222,102 |
| Tuntutan bersih dikira | 23 | (10,584) | (11,168) | (193,726) | (99,484) | (3,688) | (3,710) | (91,917) | (39,798) | (299,915) | (154,160) |
| Komisen bersih | | (10,256) | (1,884) | (27,160) | (12,811) | 8,470 | 6,125 | (29,101) | (4,739) | (58,047) | (13,309) |
| Lebihan/(kurangan) pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan | | 86,860 | 12,925 | 1,070 | 19,856 | 18,981 | 22,940 | 65,660 | (1,088) | 172,571 | 54,633 |
| Perbelanjaan pengurusan | 22 | | | | | | | | | (126,834) | (87,979) |
| Lebihan pengunderaitan | | | | | | | | | | 45,737 | (33,346) |
| Pendapatan pelaburan | 20 | | | | | | | | | 46,850 | 30,336 |
| Pendapatan bersih operasi lain | 21 | | | | | | | | | 13,441 | 11,738 |
| Dipindahkan ke Penyata Pendapatn (m/s 18) | | | | | | | | | | 106,028 | 8,728 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**LEMBARAN IMBANGAN DANA INSURANS HAYAT**
**PADA 30 JUN 2010**

| | Nota | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 3 | 33,527 | 25,734 |
| Hartanah pelaburan | 4 | 453,210 | 463,210 |
| Pajakan tanah prabayar | 5 | 1,239 | 1,274 |
| Aset tidak ketara | 6 | 59 | 105 |
| Terhutang dari syarikat-syarikat berkaitan | 9 | 161 | - |
| Pelaburan | 10 | 3,890,438 | 3,560,503 |
| Pinjaman | 11 | 204,391 | 297,295 |
| Penghutang dagangan dan penghutang lain | 13 | 82,712 | 77,917 |
| Cukai boleh diperolehi | | 14,827 | 14,827 |
| Tunai dan baki di bank | | 19,979 | 30,627 |
| **Jumlah aset dana insurans am (m/s 14)** | | 4,700,543 | 4,471,492 |
| **LIABILITI DAN DANA PEMEGANG POLISI** | | | |
| Liabiliti cukai tertunda | 12 | 30,589 | 14,275 |
| Peruntukan untuk tuntutan belum dibayar | 17 | 16,100 | 14,809 |
| Terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan | 9 | 1,490 | 1,576 |
| Pemiutang dagangan dan pemiutang lain | 18 | 218,884 | 219,043 |
| Cukai berbayar | | 30,731 | 50,777 |
| **Jumlah liabiliti dana insurans hayat (m/s 15)** | | 297,794 | 300,480 |
| **Dana pemegang polisi hayat** | 16 | 4,402,749 | 4,171,012 |
| **Jumlah liabiliti dana insurans hayat dan pemegang polisi** | | 4,700,543 | 4,471,492 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

## AKAUN HASIL DANA INSURANS HAYAT
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2010

| | Nota | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|---|
| Premium kasar | 19 | 335,969 | 345,787 |
| Insurans semula | | (13,832) | (6,088) |
| Premium bersih | | 322,137 | 339,699 |
| Faedah dibayar dan belum dibayar: | | | |
| Kematian | | (69,386) | (72,649) |
| Kematangan | | (164,976) | (186,574) |
| Serahan | | (126,573) | (133,293) |
| Bonus tunai | | (38,815) | (37,293) |
| Anuiti | | - | (1,325) |
| Perolehan dari insurans semula | | (8,967) | (11,067) |
| Lain-lain | | 4,423 | 1,114 |
| | | (404,294) | (441,087) |
| | | (82,157) | (101,388) |
| Perbelanjaan agensi dan komisen | | (42,743) | (44,717) |
| Perbelanjaan pengurusan | 22 | (61,380) | (59,808) |
| | | (186,280) | (205,913) |
| Pendapatan pelaburan | 20 | 241,029 | 214,395 |
| Pendapatan operasi lain bersih | 21 | 23,184 | 30,782 |
| Lebihan sebelum cukai | | 77,933 | 39,264 |
| Cukai | 24 | (17,821) | (23,604) |
| Lebihan selepas cukai | | 60,112 | 15,660 |
| Dana pemegang polisi insurans hayat pada awal tahun kewangan | | | |
| - Seperti dinyatakan sebelum ini | | 4,171,012 | 4,247,352 |
| - Kesan penggunaan Rangka kerja RBC: | | | |
| Songsangan peruntukan pengurangan nilai | | 4,375 | - |
| Kesan cukai tertunda atas songsangan peruntukan pengurangan nilai | | (350) | - |
| Kesan nilai saksama atas aset kewangan tersedia untuk jualan | | 14,683 | - |
| Kesan cukai tertunda atas aset kewangan tersedia untuk jualan | | (1,175) | - |
| - Seperti dinyatakan semula | | 4,188,545 | 4,247,352 |
| Perubahan dalam nilai saksama aset tersedia untuk jualan, bersih daripada cukai tertunda | | 174,092 | - |
| Pindah ke Penyata Pendapatan | | (20,000) | (92,000) |
| Dana pemegang polisi insurans hayat pada akhir tahun kewangan | 16 | 4,402,749 | 4,171,012 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2010**

| | 2010 RM'000 | 2009 RM'000 |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI** | | |
| Keuntungan sebelum cukai | 157,936 | 132,612 |
| Pelarasan untuk: | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 3,268 | 1,646 |
| Pelunasan aset tidak ketara | 183 | 1,051 |
| Keuntungan penjualan hartanah pelaburan | (1,397) | - |
| (Keuntungan)/kerugian nilai saksama atas hartanah pelaburan | 9,862 | (9,810) |
| Pelunasan pajakan tanah prabayar | 164 | 328 |
| Pengurangan/(Pertambahan) dalam rizab penilaian semula aset | - | (16,531) |
| Pertambahan diskaun bersih dari pelunasan premium | (16,701) | (14,317) |
| Keuntungan penjualan hartanah, loji dan peralatan | (114) | (200) |
| Tambahan dalam liabiliti premium bersih | 19,757 | 3,745 |
| Tambahan/(kurangan) dalam dana pemegang polisi hayat | 40,112 | (76,337) |
| Kerugian direalisasikan dari pertukaran asing | 432 | - |
| Masuk kira semula peruntukan hutang lapuk dan ragu | (3,842) | (3,827) |
| Keuntungan bersih dari penjualan pelaburan | (56,735) | (39,220) |
| Keuntungan dari pengurangan modal dalam subsidiari | - | (12,578) |
| Pendapatan faedah | (226,206) | (205,142) |
| Masuk kira semula peruntukan pengurangan nilai dalam pelaburan bersih | - | 3,753 |
| Masuk kira semula rosot nilai dalam hartanah pelaburan | - | (320) |
| Pendapatan dividen kasar | (42,839) | - |
| Pendapatan sewa | (24,315) | - |
| Kerugian dari operasi sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti operasi | (140,435) | (235,147) |
| Perubahan dalam modal kerja: | | |
| (Tambahan)/Kurangan dalam penghutang dagangan | (178,466) | 17,995 |
| Kurangan dalam penghutang lain | (8,952) | 57,657 |
| Kurangan/(tambahan) dalam pinjaman belum terima | 111,749 | (2,158) |
| Kurangan jumlah terhutang kepada pihak berkaitan | (1,858) | (36,585) |
| Tambahan/(kurangan) dalam pemiutang lain | 49,855 | (16,052) |
| Tambahan dalam tuntutan belum dibayar | 215,252 | 3,440 |
| Tambahan/(kurangan) dalam pemiutang dagangan | 185,143 | (13,370) |
| (Tambahan)/kurangan dalam deposit tetap | (111,749) | 95,165 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

## PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2010

| | 2010<br>RM'000 | 2009<br>RM'000 |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI (SAMBUNGAN)** | | |
| Perolehan dari penjualan pelaburan | 1,464,641 | 970,193 |
| Pembelian pelaburan | (1,512,317) | (1,060,237) |
| Pendapatan pelaburan diterima | 286,981 | 212,295 |
| Tunai terhasil dari aktiviti kendalian | 359,844 | (6,804) |
| Cukai dibayar | (76,834) | (41,168) |
| Tunai bersih dijana/(digunakan) dari aktiviti operasi | 283,010 | (47,972) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Perolehan dari penjualan hartanah, loji dan peralatan | 115 | 1,879 |
| Perolehan dari penjualan hartanah pelaburan | 4,907 | (11,655) |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | (16,449) | - |
| Pembelian aset MGAB bersih | (267,054) | - |
| Perolehan dari pengurangan modal dalam subsidiari | - | 65,909 |
| Pembelian pelaburan syarikat sekutu | (152) | (179) |
| Pembelian aset tidak ketara | (116) | - |
| Tunai bersih dijana/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan | (278,749) | 55,954 |
| **Tambahan bersih dalam tunai dan setara tunai** | 4,261 | 7,982 |
| | | - |
| **Tunai dan setara tunai pada awal tahun kewangan (seperti dinyatakan sebelum ini)** | 80,763 | 72,781 |
| **Pindahan dari MGAB** | 19,157 | - |
| **Seperti dinyatakan semula** | 99,920 | 72,781 |
| Tunai dan setara tunai pada akhir tahun **kewangan** | 104,181 | 80,763 |

Tunai dan setara tunai terdiri daripada:

| | 2010<br>RM'000 | 2009<br>RM'000 |
|---|---|---|
| Tunai dan baki bank: | | |
| Dana insurans am dan pemegang saham | 84,202 | 50,136 |
| Dana insurans hayat | 19,979 | 30,627 |
| | 104,181 | 80,763 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 30 JUN 2010

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan perniagaan insurans hayat dan semua kelas perniagaan insurans am. Tiada sebarang perubahan nyata dalam kegiatan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

Syarikat ini adalah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Aras 19, Tower C, Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Syarikat induk kepada Syarikat ialah Mayban Fortis Holdings Berhad ("MFHB") dan syarikat induk muktamad kepada Syarikat ialah Malayan Banking Berhad ("MBB"). Kedua-duanya diperbadankan di Malaysia. MBB ialah sebuah bank komersial berlesen yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 12 Ogos 2010.

### 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

#### 2.1 Asas Penyediaan

Penyata-penyata kewangan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") di Malaysia, yang diubahsuai oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dan peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 dan Garis Panduan/Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh BNM.

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah, kecuali hartanah pelaburan dan instrumen kewangan yang telah diukur pada nilai saksama dan liabiliti insurans mengikut kaedah penilaian yang dispesifikasikan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("RBC") untuk syarikat insurans yang diterbitkan oleh BNM. Rangka kerja RBC adalah efektif untuk syrikat insurans mulai 1 Januari 2009 dan kesan perubahan yang timbul daripada penggunaan Rangka Kerja RBC dibincangkan dalam Nota 2.4 dan Keluaran Teknikal ("TRS").

Syarikat telah menggunakan semua FRS, Interpretasi oleh Jawatankuasa Isu ("Interpretasi IC "), Pindaan kepada FRS dan/atau Interpretasi IC kecuali untuk yang telah diterbitkan tetapi belum lagi efektif seperti dinyatakan di Nota 2.3. Penyata-penyata kewangan telah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan digenapkan kepada ribuan terhampir (RM’000) kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting

#### (a) Keputusan Pengunderaitan Insurans Am

Keputusan pengunderaitan insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan, selepas mengambilkira insurans semula, liabiliti premium, komisen dan liabiliti tuntutan dan rizab-rizab tambahan yang lain.

#### (i) Pendapatan Premium

Pendapatan premium diiktiraf dalam tempoh kewangan dengan andaian risiko yang ditanggung adalah sepanjang tempoh kewangan tersebut. Premium dari perniagaan langsung diiktiraf sepanjang tempoh kewangan apabila nota debit diterbitkan. Premium di mana risiko berlaku tetapi nota debit belum diterbitkan pada tarikh lembaran imbangan diakru pada tarikh tersebut.

Premium insurans semula triti alir masuk diiktiraf pada dasar makluman berkala yang diterima daripada syarikat insurans serahan.

Premium insurans semula luaran diiktiraf dalam tempoh kewangan yang sama dengan polisi asal yang mana insurans semula tersebut berkaitan.

#### (ii) Liabiliti Premium

Liabiliti premium adalah agregat yang lebih tinggi untuk Rizab Premium Belum Tamat (“UPR”) bagi semua jenis perniagaan dan anggaran nilai terbaik untuk Rizab Risiko Belum Tamat (“URR”) dengan Peruntukan Margin Risiko untuk Penyimpangan yang Banyak (“PRAD”) dikira pada kadar keyakinan 75% pada keseluruhan tingkat syarikat. Keperluan URR diwujudkan menurut Rangka Kerja yang menjadi efektif pada 1 Januari 2009.

***Rizab Premium Belum Tamat***

Rizab premium belum tamat ("UPR") jangka pendek merupakan bahagian premium bersih polisi-polisi insurans yang berkaitan dengan tempoh polisi yang belum luput pada akhir tempoh kewangan. Bagi menentukan UPR pada tarikh lembaran imbangan, kaedah-kaedah berikut digunakan:

- Kaedah 25% bagi kargo marin, kargo udara dan perniagaan transit

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (a) Keputusan Pengunderaitan Insurans Am (sambungan)

#### (ii) Liabiliti Premium (sambungan)

***Rizab Premium Belum Tamat (sambungan)***

- Kaedah 1/24 bagi kelas-kelas polisi Malaysia yang lain dikurangkan dengan peratus komisen perniagaan langsung kasar yang diambilkira dan sama dengan premium yang tidak melebihi had-had yang ditetapkan oleh BNM seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Motor dan bon | 10% |
| Kebakaran, kejuruteraan, udara dan kapal marin | 15% |
| Perubatan dan kesihatan | |
| - Individu perseorangan | 15% |
| - Kumpulan, sekurang-kurangnya 3 individu | 10% |
| Pampasan pekerja dan liabiliti majikan | |
| - Pekerja asing | 10% |
| - Lain-lain | 25% |
| Kelas-kelas lain | 25% |

- Kaedah 1/8 bagi semua kelas perniagaan triti diterima dari luar negara dengan pengurangan 20% bagi komisen.

- Kaedah peruntukan masa berdasarkan tempoh risiko bagi polisi bukan tahunan.

UPR jangka panjang mewakili bahagian premium bersih polisi insurans kebakaran pengunderaitan jangka panjang, selepas menolak komisen, yang berkaitan dengan polisi yang belum luput tempoh pada akhir tahun kewangan.

URR adalah jangkaan prospektif bayaran yang dijangka pada masa hadapan yang timbul daripada peristiwa masa depan yang diinsuranskan di bawah polisi yang dijangka berlaku semasa tempoh belum tamat pada tarikh penilaian. Semasa menjangka URR, nisbah kerugian diselaraskan dengan mengambil kira semua potensi bayaran pada masa hadapan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bayaran tuntutan pada masa hadapan, perbelanjaan menangani tuntutan dan kos pentadbiran polisi yang berterusan yang timbul daripada bahagian premium belum tamat yang diterima. Untuk mencapai tahap keyakinan 75% untuk URR, PRAD yang bersekadar ditambah dengan pelarasan bergantung pada penghujung setiap jenis perniagaan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (a) Keputusan Pengunderaitan Insurans Am (sambungan)

##### (iii) Liabiliti Tuntutan

Liabiliti tuntutan adalah berdasarkan kos muktamad yang dijangka untuk semua tuntutan yang berlaku tetapi tidak dijelaskan pada tarikh lembaran imbangan, tidak kira dilaporkan atau tidak, bersama dengan kos menangani tuntutan berkaitan dan pengurangan untuk nilai sisaan dijangka dan pemulihan-pemulihan lain. Penangguhan mungkin dialami semasa pemberitahuan dan penyelesaian jenis-jenis tuntutan tertentu, jadi, kos muktamad untuk tuntutan-tuntutan ini tidak diketahui dengan pasti pada tarikh lembaran imbangan. Liabiliti dikira pada tarikh laporan oleh firma aktuari yang bebas dengan menggunakan beberapa teknik jangkaan tuntutan aktuari standard berdasarkan data empirik dan jangkaan-jangkaan semasa yang termasuk PRAD pada tahap keyakinan 99.5% pada keseluruhan tahap syarikat. Liabiliti tidak didiskaunkan untuk nilai masa wang. Tiada peruntukan untuk rizab penyamaan atau malapetaka yang diiktiraf. Liabiliti tidak diiktiraf apabila kontrak tamat, dilunaskan atau dibatalkan.

Liabiliti tuntutan diiktiraf untuk insurans langsung dan insurans semula alir masuk. Jumlah tuntutan belum dibayar adalah jangkaan terbaik perbelanjaan yang diperlukan bersama dengan perbelanjaan berkaitan tolak pemulihan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh lembaran imbangan.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan bersama perbelanjaan berkaitan, Berlaku Tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR") pada tarikh lembaran imbangan, berdasarkan penilaian aktuari oleh ahli aktuari berkelayakan,dengan kaedah anggaran matematik berdasarkan pola perkembangan tuntutan yang sebenar.

##### (iv) Kos Perolehan

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans setelah ditolak pendapatan diterima daripada premium insurans semula syarikat penyerah, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan sewajarnya dalam tempoh di mana pendapatan berkemungkinan akan diperolehi.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (b) Keputusan Pengunderaitan Insurans Hayat

Keuntungan yang boleh dipindahkan daripada dana insurans hayat kepada penyata pendapatan adalah berdasarkan lebihan yang ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan liabiliti jangka panjang kepada pemegang polisi.

##### (i) Pendapatan Premium

Pendapatan premium mewakili premium yang diiktiraf di dalam dana insurans hayat.

Pendapatan premium dana insurans hayat diiktiraf sebaik sahaja amaun premium boleh diukur dengan sewajarnya. Premium pertama diiktiraf berlaku dari tarikh mula dan premium seterusnya diiktiraf apabila ia perlu dibayar.

Pada akhir tempoh kewangan, kesemua premium terhutang adalah dikira sehingga ia boleh diukur dengan sewajarnya.

Premium insurans semula luaran diiktiraf dalam tempoh kewangan yang sama dengan polisi asal yang berkaitan dengan insurans semula tersebut.

##### (ii) Peruntukan bagi Tuntutan

Kos tuntutan dan penyelesaian yang berlaku sepanjang tempoh kewangan diiktiraf apabila terjadinya peristiwa yang boleh menyebabkan tuntutan dan/atau penanggung insurans diberitahu.

Jumlah perolehan daripada tuntutan insurans semula dikira dalam tempoh kewangan yang sama dengan tuntutan asal yang diiktiraf.

Tuntutan dan peruntukan untuk tuntutan polisi insurans hayat, termasuk kos penyelesaian, dikira mengikut kaedah asal kes dan untuk tujuan ini, faedah dibayar untuk polisi insurans hayat diiktiraf seperti berikut:

- kematangan atau bayaran faedah polisi lain yang perlu dibuat pada tarikh tertentu dianggap sebagai tuntutan belum dibayar pada tarikh tersebut; dan
- kematian, serahan dan faedah lain tanpa tarikh pembayaran tetap dianggap sebagai tuntutan belum dibayar, pada tarikh pemberitahuan kematian orang yang diinsuranskan atau berlakunya perkara luar jangkaan yang dilindungi.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (b) Keputusan Pengunderaitan Insurans Hayat (sambungan)

##### (iii) Komisen dan Perbelanjaan Agensi

Perbelanjaan komisen dan agensi, iaitu kos yang ditanggung secara langsung untuk mendapatkan premium atas polisi insurans dengan pendapatan bersih yang diperolehi daripada penanggung insurans semula dalam penyerahan premium kepada penanggung insurans semula dicaj kepada akaun hasil sepanjang tahun kewangan.

#### (c) Pengiktirafan Pendapatan Lain

Pendapatan diambilkira apabila manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga itu berkemungkinan mengalir ke dalam perniagaan dan jumlah pendapatan boleh diukur dengan pastinya.

##### (i) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kadar masa yang menggambarkan pulangan efektif ke atas aset kecuali faedah ke atas pinjaman yang dikenalpasti sebagai tidak berbayar, iaitu pembayaran balik tertunggak melebihi tiga hingga enam bulan, di mana, pengiktirafan faedah digantung dan pelarasan retrospektif dibuat dari tarikh permulaan kemungkiran berlaku. Setelah itu, faedah akan diiktiraf pada dasar penerimaan sehingga kesemua tunggakan telah dibayar.

#### (d) Manfaat Pekerja

##### (ii) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf atas dasar pengisytiharan apabila hak untuk pemegang saham menerima bayaran telah ditentukan.

##### (iii) Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa diiktiraf berasaskan tunggakan seperti yang ditetapkan dalam syarat-syarat perjanjian berkenaan kecuali apabila sewa yang tidak berbayar melebihi tempoh tiga hingga enam bulan, di mana pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Setelah itu, pendapatan sewa akan diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga kesemua tunggakan telah dibayar.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (d) Manfaat Pekerja (sambungan)

##### (i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial ("SOCSO") diambilkira sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Syarikat. Ketidakhadiran diganti terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diambilkira apabila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja menyebabkan peningkatan hak mereka kepada baki diganti pada masa hadapan. Ketidakhadiran diganti tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diambilkira apabila ketidakhadiran itu berlaku.

##### (ii) Pelan Caruman Ditakrifkan

Pelan caruman ditakrifkan adalah pelan manfaat pekerja selepas persaraan di mana Syarikat membayar caruman tetap dalam dana asingan dan tiada obligasi perundangan atau konstruktif untuk membayar selebihnya sekiranya dana-dana tersebut tidak mempunyai jumlah mencukupi untuk membayar segala manfaat pekerja berkaitan perkhidmatan pekerja pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman-caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan/akaun hasil apabila ia berlaku. Atas tuntutan undang-undang, syarikat di Malaysia membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") dan sebuah cawangan asing subsidiari membuat sumbangan kepada skim pencen berkanun negara asing tersebut, iaitu Kumpulan Wang Pusat Singapura ("CPF") dan Brunei Tabung Amanah Pekerja ("TAP").

#### (e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Segala hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, di mana patut, hanya apabila kemungkinan adanya faedah ekonomi masa depan untuk Syarikat dan kos perkara tersebut boleh diukur secara berkesan. Jumlah dibawa untuk alat yang diganti tidak lagi diiktiraf. Segala pembaikan dan penyelenggaraan akan diambilkira dalam penyata pendapatan/akaun hasil sepanjang tahun kewangan semasa.

Sejurus pengiktirafan pada mulanya, hartanah, loji dan peralatan, kecuali tanah dan bangunan tertentu, dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian terjejas terkumpul.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai (sambungan)

Tanah pegangan kekal mempunyai penggunaan tidak terbatas. Oleh itu, ia tidak disusutnilai.

Kerja-kerja berterusan juga tidak disusutnilai kerana aset-aset ini belum lagi sedia untuk digunakan.

Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan yang lain diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai sisanya berdasarkan anggaran hayat penggunaannya pada kadar tahunan berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan atas tanah pegangan kekal dan hartanah pegangan kekal milik sendiri | 2% |
| Perabot, lengkapan, peralatan dan pengubahsuaian | 10% - 20% |
| Peralatan komputer | 20% - 25% |
| Peralatan elektrik dan sekuriti | 10% - 20% |
| Kenderaan bermotor | 20% - 25% |

Nilai sisa, hayat penggunaan dan kaedah susutnilai akan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan jumlah, kaedah dan jangkamasa susutnilai adalah konsisten dengan anggaran sebelumnya dan jangkaan penggunaan faedah ekonomi masa depan dimuatkan dalam perkara hartanah, loji dan peralatan.

Perkara hartanah, loji dan peralatan tidak akan lagi diiktiraf apabila dilupuskan atau tiada faedah ekonomi masa depan dijangkakan daripada penggunaannya atau pelupusannya. Perbezaan di antara keuntungan pelupusan bersih jika ada dan jumlah dibawa bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

#### (f) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau pertambahan modal atau kedua-duanya. Hartanah ini akan dinilai pada mulanya mengikut kos, termasuk kos transaksi. Sejurus pengiktirafan pada mulanya, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama ditetapkan menurut bukti transaksi harga pasaran untuk hartanah yang serupa dan dinilai oleh firma penilai bebas profesional yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman terkini dalam lokasi serta kategori hartanah yang dinilai dan/atau penilaian oleh ahli profesional dalaman pada tempoh tertentu apabila diperlukan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (f) Hartanah Pelaburan (sambungan)

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil pada tahun ia timbul.

Apabila hartanah pelaburan dipindahkan dari hartanah digunakan sendiri, sebarang keuntungan yang timbul dari perubahan nilai saksama untuk hartanah pelaburan tersebut dikreditkan langsung ke dalam ekuiti sebagai lebihan penilaian semula. Sebarang kerugian yang timbul dari perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan sehingga ke tahap kerugian diimbangi oleh keuntungan pada awalnya yang telah diiktiraf dalam lebihan penilaian semula.

Kepentingan hartanah di bawah pajakan operasi diklasifikasikan dan diambilkira sebagai hartanah pelaburan atas dasar hartanah atas hartanah apabila Syarikat memegangnya untuk mendapatkan sewa atau pertambahan modal atau kedua-duanya. Kepentingan hartanah seperti ini di bawah pajakan operasi diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan yang dibawa pada nilai saksama.

Hartanah pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan tidak lagi digunakan dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangkakan daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penamatan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil pada tahun kewangan ia timbul.

#### (g) Pajakan

##### (i) Klasifikasi

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika ia dipindahkan dengan banyak ke Syarikat. Kesemua risiko dan ganjaran adalah berkaitan dengan pemilikan. Pajakan tanah dan bangunan diklasifikasikan sebagai pajakan operasi atau kewangan seperti pajakan aset lain. Elemen tanah dan bangunan untuk pajakan tanah dan bangunan diambilkira secara berasingan untuk tujuan pengklasifikasian pajakan. Semua pajakan yang tidak memindahkan semua risiko dan ganjaran dengan banyak diklasifikasikan sebagai pajakan operasi kecuali hartanah dipegang di bawah pajakan operasi yang memenuhi definisi hartanah pelaburan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan atas dasar hartanah atas hartanah. Jika ia diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan, ia diambilkira sebagai pegangan di bawah pajakan kewangan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (g) Pajakan (sambungan)

**(ii) Pajakan kewangan - Syarikat sebagai penerima pajak**

Hayat penggunaan semua bangunan di atas tanah pegangan pajak adalah lebih pendek daripada tempoh pajakan tanah pegangan pajak yang mempunyai bangunan-bangunan itu. Oleh itu, semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset-aset ini akan dipindahkan dengan banyak ke Syarikat pada akhir hayat penggunaannya. Jadi, semua bangunan di atas tanah pegangan pajak diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan dalam penyata kewangan.

Bangunan di bawah pegangan pajakan kewangan diiktiraf sebagai aset dalam Lembaran Imbangan Syarikat dan diukur mengikut FRS 116 - Hartanah, Loji dan Peralatan dan FRS 140 - Hartanah Pelaburan.

**(iii) Pajakan operasi - Syarikat sebagai pemberi pajak**

Aset yang dipajakkan di bawah pajakan operasi dibentangkan dalam lembaran imbangan mengikut sifat aset. Sewa pendapatan daripada pajakan operasi diiktiraf mengikut dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan yang relevan. Kos langsung pada permulaan yang ditanggung semasa perbincangan dan penyusunan pajakan operasi ditambah ke nilai dibawa aset pajakan dan diiktiraf atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan mengikut asas garis lurus sepanjang jangka masa pajakan berkenaan. Dalam kes pajakan tanah dan bangunan, bayaran pajakan minimum atau bayaran terdahulu diperuntukkan apabila diperlukan di antara tanah dan elemen bangunan seimbang dengan nilai saksama untuk kepentingan pegangan pajak dalam elemen tanah dan elemen bangunan pajakan pada masa permulaan pajakan. Bayaran terdahulu mewakili bayaran pajakan terdahulu dan dilunaskan mengikut asas garis lurus di sepanjang tempoh pajakan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (h) Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan diukur pada pengiktirafan terdahulu kos. Kos aset tidak ketara yang diperolehi dalam gabungan perniagaan ialah nilai saksamanya pada tarikh perolehannya. Berikutan pengiktirafan terdahulu, aset tidak ketara dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian terjejas terkumpul. Hayat penggunaan aset tidak ketara dinilai sama ada ia terhingga atau tidak terhingga. Aset tidak ketara dengan hayat terhingga dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang hayat penggunaan ekonominya yang dianggarkan dan dinilai rosot nilainya apabila terdapat tanda bahawa aset tidak ketara itu mungkin rosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan untuk aset tidak ketara dengan hayat penggunaan yang terhingga dikaji semula sekurang-kurangnya pada tarikh setiap lembaran imbangan.

Pelunasan dicaj ke dalam penyata pendapatan/akaun hasil. Polisi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah sejajar dengan Nota 2.2 (k).

Hayat penggunaan aset tidak ketara dengan hayat terhingga tidak dilunaskan tetapi diuji rosot nilainya setiap tahun atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menandakan bahawa nilai dibawa mungkin rosot nilai secara individu atau pada tahap unit penjanaan tunai.

Hayat penggunaan aset tidak ketara dengan hayat tidak terhingga dikaji semula setiap tahun untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna masih boleh dikekalkan.

Perisian komputer dilunaskan sepanjang hayat penggunaan terhingganya selama 2 hingga 5 tahun.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (i) Pelaburan dan Aset Kewangan

**Sebelum 1 Julai 2009**

**(i) Sekuriti kerajaan Malaysia dan Lain-lain Pelaburan Diluluskan**

Sekuriti Kerajaan Malaysia (“MGS”) dan lain-lain pelaburan diluluskan termasuk Sijil Deposit Boleh Niaga (“NCD”) dan Sijil Deposit Boleh Niaga Islam (“NICD”) seperti yang ditentukan oleh BNM dinyatakan pada kos yang diselaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira pada kaedah hasil efektif, dari tarikh pembelian hingga matang.

Pelunasan premium dan pertambahan diskaun dicaj atau dikreditkan ke dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

**(ii) Bon Jaminan Kerajaan dan Bon Korporat Tidak Disebut Harga**

Bon terjamin kerajaan dan bon korporat tidak disebut harga yang mempunyai penarafan minima "BBB" atau "P3" dinyatakan pada kos dilaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun berdasarkan kaedah hasil efektif dari tarikh pembelian hingga tarikh matang masing-masing. Sebarang bon korporat dengan penarafan yang lebih rendah dinyatakan pada nilai kos atau nilai boleh direalisasi bersih, yang mana lebih rendah.

Untuk tujuan penentuan nilai boleh direalisasi bersih, model aliran tunai didiskaunkan digunakan selepas mengambil kira aliran tunai yang dijangka boleh dijana daripada pemegangan bon.

**(iii) Pelaburan Disebut Harga**

Pelaburan disebut harga dinyatakan pada nilai yang lebih rendah di antara kos dan nilai pasaran, yang ditentukan secara portfolio agregat bagi setiap kategori pelaburan, kecuali jika penurunan nilai sesuatu pelaburan tidak dianggap sementara, peruntukan pengurangan nilai akan dibuat ke atas nilai pelaburan tersebut.

Kos ditentukan mengikut kadar purata wajaran manakala nilai pasaran ditentukan berdasarkan harga pasaran pada tarikh lembaran imbangan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (i) Pelaburan dan Aset Kewangan (sambungan)

**(iv) Pelaburan Tidak Disebut Harga**

Pelaburan tidak disebut harga dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Penambahan atau pengurangan dalam amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

**(v) Instrumen Derivatif**

Instrumen kewangan derivatif tidak diiktiraf dalam penyata kewangan.

Apabila pelaburan dijual, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dengan amaun dibawa diiktiraf dalam akaun hasil/penyata pendapatan.

**<u>Selepas 30 Jun 2009</u>**

Selepas menggunakan rangka kerja RBC mulai 1 Julai 2009, Syarikat telah menukarkan polisi perakaunannya dan mengklasifikasikan pelaburannya sebagai aset kewangan tersedia untuk jualan. Pengklasifikasian ini bergantung pada tujuan setiap pelaburan ini diperolehi atau dimulakan serta ditentukan pada masa permulaan pelaburan ini dikenal pasti.

**(vi) Aset kewangan tersebut untuk jualan**

Aset kewangan tersebut untuk jualan adalah aset kewangan bukan derivatif yang tidak diklasifikasikan dalam kategori lain.

Selepas dikenal pasti pada mulanya, aset kewangan tersebut untuk jualan diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan akan diiktiraf dalam rizab nilai saksama dalam ekuiti atau dalam lebihan yang tidak diagihkan dalam Dana Hayat kecuali kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing atas instrumen kewangan dan faedah dikira dengan menggunakan kaedah faedah efektif yang diiktiraf dalam Akaun Hasil/Penyata Pendapatan yang bergantung pada keadaan. Keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf sebelum ini dalam ekuiti diiktiraf dalam Akaun Hasil/Penyata Pendapatan apabila aset kewangan tidak diiktiraf.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dengan nilai saksama yang tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos tolak kerugian rosot nilai.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (j) Nilai saksama Pelaburan

Nilai saksama pelaburan yang didagangkan secara aktif di pasaran kewangan tersusun ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran disebut harga untuk aset pada waktu penutupan perniagaan pada tarikh lembaran imbangan.

Untuk pelaburan dalam unit disebut harga dan amanah pelaburan hartanah, nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga terbitan. Pelaburan dalam ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran yang aktif dan dengan nilai saksama yang tidak boleh diukur dengan pasti akan dinyatakan pada kos.

Untuk instrumen kewangan dimana pasaran aktif tidak wujud seperti sekuriti pendapatan tetap tidak disebut harga, iaitu bon tidak disebut harga, nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga indikatif yang diperolehi daripada Bondweb. Nilai saksama deposit berstruktur adalah berdasarkan harga pasaran terkini yang diperolehi daripada institusi kewangan. Sijil Deposit Boleh Niaga (NCD) dan Sijil Deposit Boleh Niaga Islam (NICD) dinilai pada nilai muka atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah, dalam agregat untuk semua NCD/NICD yang sebegitu. Nilai pasaran NCD/NICD ditentukan dengan merujuk kepada Swap Kadar Faedah BNM.

Nilai saksama kadar terapung dan deposit semalaman dengan institusi kewangan adalah nilai dibawa pelaburan-pelaburan tersebut. Nilai dibawa adalah kos deposit/penempatan.

Jika nilai dibawa tidak boleh diukur dengan pasti, instrumen-instrumen kewangan ini akan diukur pada kos, iaitu sebagai nilai saksama selepas mempertimbangkan pemerolehan instrumen atau amaun yang diterima selepas menerbitkan liabiliti kewangan. Semua kos urusniaga yang berkaitan langsung dengan pemerolehan juga termasuk dalam kos pelaburan.

#### (k) Rosot Nilai

##### (i) Aset Kewangan

Pada tarikh lembaran imbangan, Syarikat menilai sama ada terdapat bukti objektif yang menunjukkan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan telah rosot nilai. Bukti objektif yang menunjukkan aset kewangan telah rosot nilai termasuk data yang dapat dilihat tentang kejadian kerugian seperti masalah kewangan yang jelas oleh syarikat insurans atau penanggung obligasi; perubahan buruk yang jelas dalam persekitaran perniagaan dimana syarikat insurans dan penanggung operasi beroperasi dan kehilangan pasaran aktif untuk aset kewangan kerana masalah kewangan yang menandakan terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan.

**2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)**

**(k) Rosot Nilai (sambungan)**

**(i) Aset Kewangan (sambungan)**

Namun demikian, kejadian tunggal dan ketara menyebabkan rosot nilai sukar dikenal pasti. Oleh itu, kesan daripada gabungan beberapa kejadian dipertimbangkan untuk menentukan sama ada aset telah rosot nilai atau tidak.

Aset kewangan tersebut untuk jualan

Jika aset Tersedia untuk Jualan telah rosot nilai, jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih daripada modal pembayaran balik dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, tolak kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dalam Akaun Hasil/ Penyata Pendapatan, dipindahkan dari ekuiti ke Akaun Hasil/Penyata Pendapatan. Songsangan dalam instrumen ekuiti tidak diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Songsangan kerugian rosot nilai atas instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai Tersedia untuk Jualan disongsangkan menerusi keuntungan atau kerugian jika pertambahan dalam nilai saksama instrumen boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam Akaun Hasil/ Penyata Pendapatan.

Semasa menilai rost nilai instrumen ekuiti, Syarikat mempertimbangakan, selain daripada data yang boleh dilihat tentang peristiwa kerugian, sama ada terdapat penurunan yang ketara atau berterusan dalam nilai saksama instrumen ekuiti, dan sama ada kos pelaburan dalam instrumen ekuiti boleh diperolehi. Apabila terdapat bukti bahawa kos pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak boleh dipulihkan, kerugian rosot nilai diperuntukkan.

**(ii) Aset Bukan Kewangan**

Amaun dibawa aset selain hartanah pelaburan dan aset cukai tertunda dikaji semula pada tarikh lembaran imbangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Jika tanda-tanda rosot nilai wujud, jumlah aset boleh diperolehi dianggarkan untuk menentukan jumlah kerugian rosot nilai.

Untuk menjalankan ujian rosot nilai terhadap aset-aset ini, jumlah boleh diperolehi ditentukan berdasarkan aset individu kecuali aset itu tidak menjana aliran tunai yang kebanyakannya tidak bergantung pada aset-aset lain. Jika keadaan ini benar, jumlah boleh diperolehi ditentukan untuk unit penjanaan tunai ("CGU") kepunyaan aset itu.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (k) Rosot Nilai (sambungan)

##### (ii) Aset Bukan Kewangan (sambungan)

Jumlah aset boleh diperolehi adalah lebih tinggi bagi sesuatu aset atau nilai saksama CGU ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya. Dalam penilaian nilai penggunaan, aliran tunai masa depan yang dianggarkan dikurangkan ke nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun pra cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa untuk nilai masa wang dan risiko khusus aset.

Apabila amaun dibawa aset melebihi jumlah boleh diperolehi, aset itu dikira rosot nilainya dan dinyatakan pada jumlah boleh diperolehi. Kerugian rosot nilai diiktiraf berkenaan CGU atau kumpulan CGU diperuntukkan untuk mengurangkan jumlah dibawa aset dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tempoh ia muncul. Kerugian rosot nilai aset disongsangkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam penganggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah aset boleh diperolehi sejak kerugian rosot nilai yang dahulu diiktiraf. Amaun dibawa aset ditingkatkan ke jumlah boleh diperolehi yang telah diubah jika jumlah ini tidak melebihi amaun dibawa yang akan ditentukan (pelunasan bersih atau susutnilai) tidak mempunyai kerugian rosot nilai yang diiktiraf untuk aset pada tahun-tahun sebelumnya. Penyongsangan kerugian rosot nilai untuk aset diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

#### (l) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalisasi yang dijangka. Hutang lapuk dilupuskan apabila ia dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan penilaian semula semua jumlah tertunggak pada tarikh lembaran imbangan. Peruntukan khusus dibuat bagi premium, termasuk baki terhutang daripada ejen, broker dan penghutang insurans semula yang masih tertunggak bagi tempoh melebihi enam bulan (kecuali baki premium motor yang masih tertunggak lebih daripada 30 hari) dari tarikh hutang.

#### (m) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibuat untuk barangan dan perkhidmatan masa depan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (n) Matawang Asing

**(i) Matawang Fungsian dan Pembentangan**

Penyata-penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan matawang fungsian Syarikat.

**(ii) Transaksi Matawang Asing**

Dalam penyediaan penyata kewangan entiti-entiti individu, transaksi dalam matawang selain daripada matawang fungsian entiti (matawang asing) dilaporkan dalam matawang fungsian menggunakan kadar pertukaran matawang pada tarikh transaksi. Pada tarikh lembaran imbangan, item monetari yang didenominasikan dalam matawang asing ditukarkan pada kadar lazim pada tarikh lembaran imbangan. Item bukan monetari dibawa pada nilai saksama yang didenominasikan dalam matawang asing ditukarkan pada kadar lazim pada tarikh nilai saksama ditentukan. Item bukan monetari yang diukur mengikut kos sejarah dalam matawang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item monetari, dan pertukaran item monetari dinyatakan dalam penyata pendapatan/akaun hasil untuk tempoh tersebut.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran item bukan monetari yang dibawa pada nilai saksama dinyatakan dalam penyata pendapatan/akaun hasil semasa kecuali perbezaan yang timbul pada pertukaran item bukan monetari yang berkaitan keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

**(iii) Operasi Asing**

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item bukan monetari juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

Keputusan dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai matawang fungsian yang berbeza daripada matawang pembentangan (RM) penyata kewangan Syarikat ditukarkan dalam RM seperti berikut:

- aset dan liabiliti setiap lembaran imbangan dibentangkan ditukarkan pada kadar penutupan lazim pada tarikh lembaran imbangan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (n) Matawang Asing (sambungan)

##### (iii) Operasi Asing (sambungan)

- pendapatan dan perbelanjaan setiap penyata pendapatan/hasil ditukarkan pada kadar pertukaran purata untuk tahun semasa yang menganggarkan kadar pertukaran pada tarikh transaksi.

- segala perbezaan keputusan akan dibawa ke rizab pertukaran matawang asing dalam ekuiti.

Kadar pertukaran prinsipal untuk peraturan setiap unit matawang pertukaran asing pada tarikh lembaran imbangan yang digunakan untuk pertukaran operasi asing adalah seperti berikut:

| | **2010** | **2009** |
|---|---|---|
| Dolar Singapura | 2.31 | 2.43 |
| Dolar Brunei | 2.32 | 2.40 |

#### (o) Subsidiari dan dasar bukan gabungan

Pelaburan dalam subsidiari milik penuh Dana Pemegang Saham dinyatakan pada kos tolak peruntukan untuk sebarang kerugian rosot nilai.

Subsidiari adalah syarikat-syarikat dimana Syarikat mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan Syarikat mempunyai kuasa untuk mengawal polisi kewangan dan operasi untuk mendapatkan manfaat.

Seperti dibenarkan di bawah subperenggan 5(4)(a) Jadual Kesembilan Akta Syarikat, 1965, tiada penyata kewangan gabungan disediakan kerana Syarikat sendiri merupakan subsidiari milik penuh Mayban Fortis Holdings Berhad ("MFHB"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Pejabat berdaftar MFHB terletak di Aras 19, Tower C, Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Penyata kewangan syarikat subsidiari yang telah diaudit dilampirkan di sini menurut Akta tersebut.

Selepas penjualan pelaburan dalam subsidiari, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam penyata kewangan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (p) Syarikat sekutu dan dasar bukan gabungan

Syarikat sekutu adalah entiti di mana Syarikat mempunyai pengaruh yang penting dan ia bukan subsidiari atau kepentingan dalam usaha sama. Pengaruh penting adalah kuasa untuk menyertai keputusan polisi kewangan dan operasi penerima pelaburan tidak mengawal atau mengawal bersama polisi-polisi tersebut.

Dalam penyata-penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam syarikat sekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai.

Seperti dibenarkan di bawah FRS 128: Pelaburan dalam Syarikat Sekutu, pelaburan dalam syarikat sekutu tidak diambil kira di bawah kaedah ekuiti kerana syarikat induk muktamad, Malayan Banking Berhad ("MBB"), menghasilkan penyata-penyata kewangan yang mematuhi FRS yang diluluskan di Malaysia yang boleh digunakan secara am.

Selepas penjualan pelaburan dalam syarikat sekutu, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawanya dimasukkan dalam penyata pendapatan.

#### (q) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan pada penyata pendapatan/akaun hasil tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan yang dijangka akan dibayar ke atas keuntungan boleh cukai untuk tahun tersebut dan dikira pada kadar cukai yang digubalkan pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti, untuk perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaan dalam penyata kewangan. Secara dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan ke satu tahap di mana wujudnya kemungkinan keuntungan boleh dicukai boleh ditolak dengan perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara tersebut timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan satu penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, ia tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh dicukai.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

#### (q) Cukai Pendapatan (sambungan)

Cukai tertunda dikira mengikut kadar cukai yang dianggarkan akan digunakan pada tempoh di mana aset itu direalisasi atau liabiliti itu dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubalkan atau digubalkan secara hakiki pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan di dalam penyata pendapatan/akaun hasil untuk tempoh tersebut, kecuali apabila ia timbul daripada urusniaga yang diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga akan dicaj atau dikreditkan langsung ke dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada perniagaan gabungan yang merupakan pemerolehan. Dalam kes-kes itu, cukai tertunda dinyatakan dalam muhibah yang terhasil atau jumlah yang terlebih daripada faedah syarikat pembeli dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangkaan yang dikenalpasti oleh syarikat yang dibeli daripada kos gabungan.

#### (r) Tunai dan Setara Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk wang tunai dan baki di bank, kecuali deposit tetap dan panggilan.
Penyata aliran tunai disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung.

#### (s) Instrumen Equiti

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen saham biasa diiktiraf dan direkodkan dalam ekuiti pada tempoh di mana mereka telah diumumkan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula, pindaan kepada FRS, IC Interpretasi dan TRs

Perubahan di dalam polisi perakaunan adalah dilampirkan di dalam Nota 2.4.

**Piawaian dan interpretasi diterbitkan tetapi belum dikuatkuasakan**

Pada tarikh penyata-penyata kewangan ini dibenarkan untuk terbitan, FRS yang baru, pindaan kepada FRS dan Interpretasi oleh Jawatankuasa Isu ("IC Interpretasi") dan Keluaran Teknikal ("TRs") yang telah diterbitkan tetapi belum lagi dikuatkuasakan dan belum lagi digunakan oleh Syarikat adalah seperti berikut:

**Berkuatkuasa pada tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010**

(i) FRS 4: Kontrak Insurans
(ii) FRS 7: Instrumen Kewangan - Pendedahan
(iii) FRS 101: Pembentangan Penyata Kewangan (disemak semula 2009)
(iv) FRS 123: Kos Pinjaman
(v) FRS 139: Instrumen Kewangan - Pengiktirafan dan Pengukuran
(vi) Pindaan kepada FRS 1 Kali Pertama Penggunaan Piawaian Laporan Kewangan FRS 127 Penyata Kewangan Gabungan dan Berasingan: Kos Pelaburan dalam Subsidiari, Entiti atau Sekutu Bersama Terkawal
(vii) Pindaan kepada FRS 2 Bayaran berasaskan Saham - Keadaan Letak Hak dan Pembatalan
(viii) Pindaan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan
(ix) Pindaan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan: Pembentangan (Pengklasifikasian Isu Hak)
(x) Pindaan kepada FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran, FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan dan IC Interpretasi 9: Kajian Semula Derivatif Terbenam
(xi) Pindaan kepada FRS yang terkandung dalam dokumen bertajuk 'Perbaikan kepada FRS' (2009)
(xii) IC Interpretasi 9 Kajian Semula Derivatif Terbenam
(xiii) IC Interpretasi 10 Laporan Kewangan Interim dan Rosot Nilai
(xiv) IC Interpretasi 11 FRS 2 – Transaksi Saham Kumpulan dan Perbendaharaan
(xv) IC Interpretasi 13 Program Kesetiaan Pelanggan
(xvi) IC Interpretasi 14 FRS 119 – Had Aset Ditentukan Faedah, Keperluan Dana Minimum dan Interaksi mereka
(xvii) TR i - 3: Pembentangan Penyata Kewangan Institusi Kewangan Islam

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula, pindaan kepada FRS, IC Interpretasi dan TRs (sambungan)

**Piawaian dan interpretasi diterbitkan tetapi belum dikuatkuasakan (sambungan)**

**Berkuatkuasa pada tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010**

(i) FRS 1 : Kali Pertama Penggunaan Piawaian Laporan Kewangan
(ii) FRS 3 : Gabungan Perniagaan (disemak semula)
(iii) FRS 12 : Penyata Kewangan Gabungan dan Berasingan (dipinda)
(iv) Pindaan kepada FRS 2 Pembayaran berasaskan Saham
(v) Pindaan kepada FRS 5 Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Ditamatkan
(vi) Pindaan kepada FRS 138 Aset Tidak Ketara
(v) Pindaan kepada IC Interpretasi 9 Kajian Semula Derivatif Terbenam
(vii) IC Interpretasi 12 Pengaturan Konsesi Perkhidmatan
(viii) IC Interpretasi 15 Perjanjian Pembinaan Hartanah
(ix) IC Interpretasi 16 Lindung Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
(x) IC Interpretasi 17 Agihan Aset Bukan Tunai kepada Pemilik

**Berkuatkuasa pada tempoh kewangan pada atau selepas 1 Januari 2011**

(i) Pindaan kepada FRS 1 Pengecualian Terhad daripada Perbandingan FRS 7 Pendedahan untuk Pengguna Kali Pertama
(ii) Pindaan kepada FRS 1 Pindaan Tambahan untuk Pengguna Kali Pertama
(iii) Pindaan kepada FRS 2 Transaksi Pembayaran berasaskan Saham yang diselesaikan dengan tunai Kumpulan
(iv) Pindaan kepada FRS 7 Perbaikan Pendedahan tentang Instrumen Kewangan
(v) IC Interpretasi 4 Penentuan Sama ada Pengaturan mengandungi Pajakan
(vI) IC Interpretasi 18 Pemindahan Aset kepada Pelanggan*
(vii) TR 3: Panduan Transisi IFRS
(viii) TR i-4: Kontrak Jualan dengan Pendedahan Patuh Syariah

* Interpretasi ini harus dilaksanakan secara prospektif untuk pengalihan aktiva dari pelanggan yang diterima pada atau selepas tarikh 1 Januari 2011.

Syarikat bercadang menggunakan pengumuman di atas apabila mereka berkuatkuasa pada tempoh kewangan masing-masing. Melainkan dijelaskan berbeza di bawah, pengumuman-pengumuman ini dijangka tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Syarikat apabila ia mula digunakan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula, pindaan kepada FRS, IC Interpretasi dan TRs (sambungan)

***(i) FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran***

Piawaian ini memantapkan prinsip-prinsip pengiktirafan, ketidakiktirafan dan pengukuran entiti instrumen kewangan dan perakaunan lindung nilai. Keperluan pembentangan dan pendedahan maklumat tentang instrumen kewangan adalah seperti yang diperlukan di bawah FRS 132: Instrumen Kewangan: Pembentangan dan FRS 7: Instrumen Kewangan - Pendedahan.

***(ii) FRS 4 Kontrak Insurans***

Piawaian ini menyatakan keperluan pelaporan kewangan untuk kontrak insurans oleh sebarang entiti yang mengeluarkan kontrak sebegitu, termasuk pendedahan yang membantu pengguna penyata kewangan memahami jumlah, masa dan ketidaktentuan aliran tunai masa depan yang timbul daripada kontrak insurans.

***(iii) FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan***

Piawaian ini memerlukan kedua-dua pendedahan kuantitatif dan kualitatif berkenaan pendedahan entiti ke atas instrumen kewangan dan risiko berkaitan. Ia juga memerlukan peningkatan pendedahan berkenaan komponen kedudukan kewangan dan prestasi, dan perubahan yang mungkin berlaku ke atas perkara tertentu yang dibentangkan dalam penyata kewangan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula, pindaan kepada FRS, IC Interpretasi dan TRs (sambungan)

***(iv) FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan (Disemak semula 2009)***

Piawaian ini menentukan kesemua keperluan pembentangan penyata kewangan, panduan struktur dan keperluan minimum untuk kandungan.

Piawaian ini mengasingkan perubahan pemilik dengan bukan pemilik dalam ekuiti, di mana penyata perubahan dalam ekuiti hanya akan memasukkan butir-butir transaksi dengan pemilik, dan semua perubahan bukan pemilik dalam ekuiti akan dibentangkan dalam satu garisan, yang dilabel sebagai jumlah pendapatan komprehensif. Piawaian ini juga memperkenalkan penyata pendapatan komprehensif, yang menunjukkan semua perkara pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan, bersama semua perkara lain dalam pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf, sama ada dalam satu penyata tunggal, atau dalam dua penyata yang digabungkan. Sekarang, Syarikat sedang menilai format yang akan digunakan. Selain itu, penyata tentang kedudukan kewangan diperlukan pada permulaan tempoh perbandingan yang terawal berikutan perubahan dalam polisi perakaunan, pembetulan kesilapan atau klasifikasi semula perkara dalam penyata kewangan. Penggunaan FRS yang disemak semula ini tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Syarikat.

Selaras dengan peruntukan peralihan masing-masing, Syarikat dikecualikan daripada mendedahkan kesan yang mungkin mempengaruhi penyata kewangan selepas mula menggunakan Piawaian di atas.

### 2.4 Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Syarikat Insurans

Syarikat menggunakan rangka kerja RBC yang dikenakan ke atas semua syarikat insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996 mulai 1 Januari 2009. Syarikat insurans perlu menggunakan dasar penilaian baru untuk aset dan liabiliti yang dispesifikasikan di bawah Bahagian D rangka kerja RBC.

Rangka kerja RBC juga memerlukan sebarang pelarasan ke atas amaun dibawa aset dan liabiliti hasil daripada penggunaan dasar penilaian baru di atas, mesti diiktiraf sebagai pelarasan ke atas baki perolehan terkumpul atau lebihan tidak diagihkan yang dibawa ke hadapan dan menerusi penghasilan rizab perlaburan tersedia untuk jualan pada awal tahun kewangan.

Kesan penggunaan rangka kerja RBC pada 1 Julai 2009 dan penerangan tentang perubahan yang mempengaruhi baki pembukaan perolehan terkumpul dan rizab perlaburan tersedia untuk jualan, yang berkaitan dengan aset dan liabiliti diringkaskan di bawah:

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.4 Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Syarikat Insurans (sambungan)

**Perubahan dalam Layanan Perakaunan**

**(a) Pelaburan**

**i) Pelaburan diukur pada tersebut untuk jualan**

Pelaburan diklasifikasi sebagai tersebut untuk jualan diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama instrumen kewangan tersebut untuk jualan diiktiraf dalam rizab perlaburan tersedia untuk jualan dalam ekuiti dan dana pemegang polisi hayat kecuali untuk kerugian rosot nilai dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang timbul daripada instrumen monetari akan diiktiraf dalam Akaun Hasil / Penyata Pendapatan.

Nilai saksama pelaburan-pelaburan ini ditentukan seperti ditunjukkan dalam Nota 2.2 (j).

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak dapat diukur secara pasti akan diukur pada kos.

Untuk ketidakiktirafan, keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam ekuiti, atau dalam lebihan tidak diagihkan dari dana insurans hayat diklasifikasikan semula dari ekuiti / dana pemegang polisi hayat ke Akaun Hasil / Penyata Pendapatan. Kesan ke atas lembaran imbangan dan akaun hasil ditunjukkan dalam Nota 2.4 (d).

**(b) Liabiliti kontrak insurans hayat dinilai dengan kaedah Penilaian Premium Kasar**

Mulai 1 Januari 2009, liabiliti perniagaan insurans ditentukan mengikut Rangka Kerja RBC untuk syarikat insurans oleh BNM. Semua liabiliti insurans hayat dinilai dengan menggunakan penilaian aktuari prospektif berdasarkan jumlah nilai semasa faedah masa hadapan dengan perbelanjaan tolak pertimbangan kasar masa hadapan yang timbul daripada polisi yang didiskaunkan pada kadar diskaun risiko yang wajar. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah Penilaian Premium Kasar.

## 2.4 Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Syarikat Insurans (sambungan)

### Perubahan dalam Layanan Perakaunan (sambungan)

**(b) Liabiliti kontrak insurans hayat dinilai dengan kaedah Penilaian Premium Kasar (sambungan)**

Untuk perniagaan bukan sertaan, aliran tunai masa hadapan yang dijangka ditentukan dengan menggunakan andaian anggaran yang terbaik dengan elaun yang wajar bagi peruntukan margin risiko untuk penyimpangan yang jauh daripada pengalaman jangkaan. Ini dilakukan supaya tahap kecukupan rizab polisi secara keseluruhannya adalah terjamin pada tahap 75%. Untuk perniagaan sertaan, aliran tunai jangkaan ditentukan dengan menggunakan andaian anggaran bersama dengan andaian bahawa kadar bonus semasa kepada pemegang polisi akan dikekalkan.

**(c) Liabiliti kontrak insurans am**

Rangka kerja RBC memperkenalkan beberapa ciri baru dalam penganggaran liabiliti insurans am yang terdiri daripada liabiliti premium dan liabiliti tuntutan.

Sebelum 1 April 2009, liabiliti tuntutan subsidiari insurans, EIB, dinilai pada anggaran terbaik yang termasuk peruntukan untuk tuntutan dilaporkan dan tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan (“IBNR”). Liabiliti premium terdiri daripada rizab premium belum tamat yang dikira untuk semua jenis perniagaan.

Di bawah rangka kerja RBC, liabiliti tuntutan dinilai pada anggaran terbaik dan dengan tambahan Peruntukan Margin Risiko untuk Penyimpangan yang Banyak ("PRAD") pada tahap keyakinan 99.5% yang dikira pada keseluruhan tahap Syarikat, yang membenarkan diskaun, kepelbagaian dan membenarkan aktuari untuk memasukkan inflasi ke dalam penganggaran.

Di bawah rangka kerja RBC, liabiliti premium dilaporkan pada agregat rizab premium belum tamat (“UPR”) yang lebih tinggi untuk semua jenis perniagaan dan anggaran nilai terbaik rizab risiko belum tamat (“URR”) syarikat insurans pada akhir tahun kewangan dan peruntukan margin risiko untuk penyimpangan yang banyak ("PRAD") dikira pada tahap keyakinan 75% pada keseluruhan tahap Syarikat.

Anggaran nilai terbaik adalah anggaran prospektif bayaran dijangkakan pada masa hadapan yang timbul daripada peristiwa masa hadapan yang diinsuranskan di bawah polisi yang berkuatkuasa pada akhir tahun kewangan yang termasuk peruntukan perbelanjaan syarikat insurans.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.4 Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Syarikat Insurans (sambungan)

**Perubahan dalam Layanan Perakaunan (sambungan)**

**(d) Ringkasan kesan perubahan dalam layanan perakaunan ke atas penyata kewangan untuk tahun kewangan semasa**

Jadual di bawah menunjukkan perubahan kepada perkara dalam lembaran imbangan yang dipengaruhi, hasil daripada penggunaan Rangka Kerja RBC untuk syarikat insurans mulai 1 Januari 2009. Menurut Rangka Kerja RBC, kesan perubahan ditunjukkan dalam baki pembukaan keuntungan terkumpul atau lebihan yang tidak diagihkan dan melalui penciptaan rizab tersebut untuk jualan pada 1 Julai 2009, mengikut keadaan. Pelarasan-pelarasan dijelaskan di bawah:

| | Pada 1 Julai 2009 RM'000 | Kesan Rangka Kerja RBC Tambahan/ (Kurangan) RM'000 | Dinyatakan semula pada 1 Julai 2009 RM'000 |
|---|---|---|---|
| **Dana Am dan Pemegang Saham** | | | |
| **Keuntungan Terkumpul** | 898,624 | (4,973) | 893,651 |
| - Perubahan dalam penilaian liabiliti premium | | | |
| - Cukai tertunda atas perubahan dalam penilaian premium dan liabiliti tuntutan | | 3,645 | |
| Fair value effects of HFT investments | | | |
| - Songsangan peruntukan pengurangan nilai | | 7,949 | |
| - Cukai tertunda atas songsangan peruntukan pengurangan nilai | | (1,987) | |
| **Rizab AFS** | - | (13,962) | (13,962) |
| - Kesan pelarasan nilai saksama | | (18,616) | |
| - Kesan cukai tertunda | | 4,654 | |

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.4 Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Syarikat Insurans (sambungan)

**Perubahan dalam Layanan Perakaunan (sambungan)**

**(d) Ringkasan kesan perubahan dalam layanan perakaunan ke atas penyata kewangan untuk tahun kewangan semasa (sambungan)**

